BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 08/11/07

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau dicetak sebelum pukul 1700 pada hari Jumaat, 26 Ogos 2011

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN
Julai 2011

Keadaan Harga: Inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan peratusan tahunan pada Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 3.4% selepas luputnya kesan pelarasan terhadap harga petrol RON95 dan diesel yang dilaksanakan pada bulan Julai 2011. Penyumbang utama kepada inflasi pada bulan itu ialah kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol* dan *pengangkutan*. Harga makanan yang lebih tinggi disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga *daging* serta *ikan dan makanan laut*. Harga *daging* naik berikutan harga ayam yang lebih tinggi manakala harga kategori *ikan dan makanan laut* yang lebih tinggi pula disebabkan oleh kenaikan harga *udang* dan *ikan segar*. Peningkatan inflasi dikurangkan sebahagiannya oleh kejatuhan harga dalam kategori *pakaian dan kasut* dan *komunikasi*.

Keadaan Monetari: Kadar antara bank jangka pendek stabil pada bulan Julai. Kadar jangka sederhana dan panjang, termasuk kadar antara bank 3 bulan dan kadar swap kadar faedah, menurun berikutan peserta pasaran kewangan menyemak jangkaan mereka terhadap kenaikan OPR ekoran terdapat tanda-tanda kelembapan dalam pertumbuhan global. Dari segi kadar runcit, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan tidak berubah pada 6.54% pada akhir bulan Julai. Kadar deposit runcit juga stabil. Wang secara luas atau M3 berkembang pada kadar tahunan yang lebih perlahan sebanyak 11.6% pada bulan Julai. Pada asas bulanan, kesan pengembangan daripada aliran masuk asing bersih terhadap wang secara luas sebahagiannya telah diimbangi oleh aktiviti pemerolehan dana Kerajaan. Pembiayaan bersih kepada sektor swasta meningkat pada kadar yang lebih perlahan pada bulan Julai disebabkan oleh pinjaman terkumpul dan terbitan bersih sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) yang sederhana. Penurunan pinjaman terkumpul sebahagian besarnya disebabkan oleh pemberian pinjaman yang lebih rendah kepada sektor "*lain*", termasuk pinjaman kepada Kerajaan, institusi kewangan bukan bank domestik lain dan entiti asing. Meskipun pinjaman terkumpul sektor perniagaan menjadi sederhana sedikit disebabkan oleh pembayaran balik yang besar pada bulan itu, pengeluaran pinjaman kepada sektor ini kekal

tinggi. Pinjaman terkumpul sektor isi rumah terus berkembang, didorong terutamanya oleh pinjaman untuk *pembelian harta kediaman dan bukan kediaman*, dan untuk *kegunaan peribadi*. Permintaan terhadap pinjaman oleh sektor isi rumah berterusan pada bulan Julai.

Sistem Perbankan: Permodalan sistem perbankan kekal kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras (core capital ratio, CCR) masing-masing pada 14.3% dan 12.5%. Paras pinjaman terjejas bersih terus stabil untuk mencakupi 2% daripada pinjaman bersih. Perlindungan kerugian pinjaman pula meningkat kepada 97%.


Kadar Pertukaran dan Rizab Antarabangsa: Pada bulan Julai, ringgit secara umumnya menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang rakan perdagangan utama negara kecuali yen Jepun. Penambahan nilai ringgit berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) adalah sejajar dengan trend serantau, mencerminkan kelemahan dolar AS yang menyeluruh dalam keadaan ketidakpastian yang berpanjangan berhubung dengan perjanjian hutang AS. Pada bulan Ogos, ringgit secara keseluruhannya menyusut nilai berbanding dengan mata wang rakan perdagangan utama negara disebabkan oleh penghindaran risiko global yang meningkat susulan kebimbangan terhadap penurunan penarafan kredit kerajaan (sovereign credit rating) Amerika Syarikat dan krisis hutang kerajaan di Eropah yang berterusan. Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM411.6 bilion (bersamaan dengan USD136.1 bilion) pada 15 Ogos 2011. Paras rizab ini memadai untuk membiayai 9.6 bulan import tertangguh dan ialah 4.5 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Bank Negara Malaysia
26 Ogos 2011


Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Inflasi meningkat pada kadar yang lebih perlahan pada bulan Julai

Inflasi




Inflasi: Sumbangan Mengikut Komponen




*Lain-lain termasuk *perkhidmatan rekreasi dan hiburan; minuman alkohol dan tembakau; pendidikan; kesihatan; hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah; komunikasi, pakaian dan kasut,* dan *pelbagai barang dan perkhidmatan*

Kadar faedah sebahagian besarnya tidak berubah

Kadar Antara Bank Semalaman Purata




Kadar Antara Bank Purata




Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Kadar Deposit Bank Perdagangan




Kadar Pinjaman Bank Perdagangan




Mudah tunai dalam sistem perbankan kekal lebih daripada mencukupi

Nisbah Pinjaman-Deposit dan Nisbah Pembiayaan-Deposit




Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia




Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Wang secara luas berkembang pada kadar lebih perlahan

M1 dan M3




Penyumbang Utama Pertumbuhan M3




Aktiviti pembiayaan kekal kukuh pada bulan Julai

Pembiayaan Bersih dan Pertumbuhan Pinjaman




Pinjaman Terkumpul Sistem Perbankan



* Pembiayaan bersih terdiri daripada pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta terkumpul (tidak termasuk bukan pemastautin dan Cagamas)


Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta




* Tidak termasuk terbitan asing


Pengeluaran Pinjaman oleh Sistem Perbankan



Permohonan Pinjaman dengan Sistem Perbankan




Kelulusan Pinjaman oleh Sistem Perbankan




Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Permodalan sistem perbankan kekal kukuh dengan kualiti pinjaman stabil

Kekukuhan Modal



Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih dan Perlindungan Kerugian Pinjaman



* Mulai bulan Januari 2010, pinjaman yang dilaporkan adalah berdasarkan FRS139. Penggunaan FRS139 adalah berdasarkan tahun kewangan bank.

[1] Merujuk kepada nisbah peruntukan am/peruntukan jejas nilai kolektif kepada jumlah pinjaman bersih.


Ringgit menyusut nilai berbanding dengan mata wang rakan perdagangan utama

Indeks Prestasi Ringgit Berbanding dengan Rakan Perdagangan Utama *



* Mata wang dalam indeks: USD, CNY, SGD, JPY, EUR
Setiap mata wang mempunyai pemberat yang sama

Rizab Antarabangsa Bersih



Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Mei 11		Jun 11		Jul 11	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		77.2	33.5	76.3	37.1	87.9	56.8
M1		234.0	13.1	239.4	14.5	235.5	14.5
M2		1,117.0	11.6	1,132.1	12.4	1,127.9	11.6
M3		1,145.4	11.5	1,159.0	12.4	1,156.4	11.6
Sistem Perbankan							
Pembiayaan bersih[1]		1,238.7	12.2	1,262.8	12.9	1,265.4	12.7
Nisbah pinjaman-deposit (%) [2]		81.8		81.8		82.2	
Nisbah pembiayaan-deposit (%) [2&3]		88.0		88.1		88.3	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		66.5	27.2	68.9	29.9	65.3	8.5
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		35.6	27.2	38.1	14.2	32.2	4.9
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		66.2	11.9	74.3	14.1	64.1	7.6
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		54.1	6.6	63.6	18.3	63.3	11.3
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		14.3		14.0		14.3	
Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih (%)		2.1		2.0		2.0	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab bersih dalam RM bilion		401.4		406.2		409.5	
Rizab bersih dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		132.7		134.3		135.4	
Bilangan bulan import tertangguh		9.5		9.5		9.6	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		3.00		3.00		3.00	
Antara bank:	Semalaman	2.99 [2.91]		2.97 [2.96]		2.98 [2.93]	
	1 minggu	3.01 [2.98]		3.01 [3.01]		3.01 [3.01]	
	1 bulan	3.11 [3.02]		3.08 [3.05]		3.05 [3.05]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	2.95		2.95		2.95	
	3 bulan	3.00		2.99		3.00	
BLR bank perdagangan		6.54		6.54		6.54	
ALR bank perdagangan		5.10		5.07		5.03	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2010=100)		102.9	3.3	103.2	3.5	103.4	3.4

[1] Terdiri daripada pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta terkumpul (tidak termasuk bukan pemastautin dan Cagamas)

[2] Tidak termasuk transaksi institusi kewangan.

[3] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pemegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.

Nota: Semua data dalam penerbitan ini adalah daripada Bank Negara Malaysia, kecuali data inflasi yang diperoleh daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my